



**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**  
*Department of Occupational Safety and Health*

# Garis Panduan Pendaftaran dan Pembaharuan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan

*Guidelines for Registration and Renewal of Safety  
and Health Officer*

NO DOKUMEN: JKKP-BKI/  
GP/OYK/SHO/BM

TARIKH PINDAAN:  
17/06/2016

Seksyen Peperiksaan, Persijilan Dan Pengiktirafan  
*Examination, Certification and Accreditation Section*  
Bahagian Keselamatan Industri  
*Industrial Safety Division*

**Bahagian  
Keselamatan  
Industri**  
jkkp putrajaya

ARAS 5 (KAUNTER UTAMA), BLOK D4, KOMPLEKS D, PUSAT PENTADBIRAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62530 PUTRAJAYA  
LEVEL 5 (MAIN COUNTER), BLOCK D4, COMPLEX D, FEDERAL GOVERNMENT  
ADMINISTRATIVE CENTRE, 62530 PUTRAJAYA

**Kandungan**

<b>1.0</b>	<b>PENGENALAN .....</b>	<b>2</b>
<b>2.0</b>	<b>TUJUAN.....</b>	<b>3</b>
<b>3.0</b>	<b>TAKRIF .....</b>	<b>3</b>
<b>4.0</b>	<b>PENDAFTARAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN.....</b>	<b>3</b>
<b>4.1.</b>	<b>Kelayakan Pendaftaran.....</b>	<b>3</b>
4.1.1.	Kelayakan 1 .....	4
4.1.2.	Kelayakan 2 .....	4
4.1.3.	Kelayakan 3 .....	4
<b>4.2.</b>	<b>Hilang Kelayakan.....</b>	<b>4</b>
<b>4.3.</b>	<b>Perakuan pendaftaran.....</b>	<b>5</b>
<b>4.4.</b>	<b>Tempoh pendaftaran.....</b>	<b>5</b>
<b>4.5.</b>	<b>Pembatalan pendaftaran.....</b>	<b>5</b>
<b>5.0</b>	<b>PERMOHONAN PENDAFTARAN .....</b>	<b>5</b>
<b>5.1.</b>	<b>Dokumen Permohonan .....</b>	<b>6</b>
5.1.1.	Gambar terkini .....	6
5.1.2.	Borang Pemeriksaan Kesihatan.....	6
5.1.3.	Kad Pengenalan.....	7
5.1.4.	Maklumat kelayakan akademik .....	7
5.1.5.	Sijil Kelayakan.....	7
5.1.6.	Surat pengesahan majikan terkini dan terdahulu.....	7
5.1.7.	Surat lantikan kerja / kontrak kerja sebagai Personal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan .....	8
5.1.8.	Senarai tugas lengkap .....	8
5.1.9.	Profil majikan .....	8
5.1.10.	Bukti-bukti menjalankan tugas .....	8
5.1.11.	Salinan sijil berkaitan .....	9
5.1.12.	Yuran Pemprosesan .....	9
<b>6.0</b>	<b>PEMBAHARUAN PENDAFTARAN.....</b>	<b>9</b>
<b>6.1.</b>	<b>Dokumen Permohonan .....</b>	<b>9</b>
6.1.1.	Gambar terkini .....	10
6.1.2.	Borang Pemeriksaan Kesihatan.....	10
6.1.3.	Kad Pengenalan.....	10
6.1.4.	Surat pengesahan/sokongan majikan terkini.....	10
6.1.5.	Program Pendidikan Berterusan (CEP).....	10
6.1.6.	Profil syarikat majikan.....	11
6.1.7.	Nombor pendaftaran dengan JKKP Negeri .....	11
6.1.8.	Bukti menjalankan kewajipan sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan .....	11
6.1.9.	Yuran pemprosesan .....	12

## 1.0 PENGENALAN

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang 29(3) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang mana menyatakan bahawa Pegawai Keselamatan dan Kesihatan hendaklah di ambil kerja semata-mata bagi maksud menjamin pematuhan wajar di tempat kerja dan penggalakan penjalanan selamat kerja di tempat kerja. Manakala di bawah peruntukan undang-undang 29(4) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang mana menyatakan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan memiliki apa-apa kelayakan atau telah menerima apa-apa latihan yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan Warta.

Sehubungan dengan itu, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 telah mula dikuatkuasakan pada 22 Ogos 1997. Peraturan ini adalah bertujuan untuk memastikan majikan daripada kelas atau jenis industri yang dinyatakan di dalam Perintah Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan) 1997 mengambil kerja seorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan bagi tujuan pengurusan hal-hal berkenaan keselamatan dan kesihatan tempat kerja. Tugas Pegawai Keselamatan dan Kesihatan merujuk kepada Peraturan 18 di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997.

Di bawah Peraturan 4 Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh bertindak sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan melainkan jika dia telah berdaftar dengan Ketua Pengarah. Ketua Pengarah ialah Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

## 2.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai prosedur dan syarat pendaftaran dan pembaharuan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan.

## 3.0 TAKRIF

### **Pegawai Keselamatan dan Kesihatan**

(Peraturan 7, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997)

### **Program Pendidikan Berterusan**

Merujuk kepada Peraturan 8, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 dan Garis panduan Sistem Mata Program Pendidikan Berterusan 2011.

### **Sistem MyKKP**

Merujuk kepada laman sesawang di alamat <http://mykkp.dosh.gov.my/>

## 4.0 PENDAFTARAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

### 4.1. Kelayakan Pendaftaran

Kelayakan seseorang yang ingin mendaftar sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan adalah berdasarkan kepada subperaturan 6(1)(a), 6(1)(b), 6(1)(c) dan 6(1)(d) Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997. Berdasarkan subperaturan yang dinyatakan, kelayakan adalah terbahagi kepada tiga (3) kategori berikut;

#### 4.1.1. Kelayakan 1

- i. Warganegara Malaysia dan;
- ii. Menghadiri **kursus Peringkat Sijil/EDOSH** Pegawai Keselamatan dan Kesihatan dari pusat pengajar yang diluluskan oleh Jabatan dan;
- iii. **Lulus Peperiksaan** Pegawai Keselamatan dan Kesihatan di NIOSH dan;
- iv. Mempunyai **tiga (3) tahun pengalaman** dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan;
- v. Lulus verifikasi oleh JKKP jika dipanggil untuk hadir sesi verifikasi.

#### 4.1.2. Kelayakan 2

- i. Warganegara Malaysia dan;
- ii. Sekurang-kurangnya **diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** dari institusi yang diluluskan oleh Jabatan dan;
- iii. Mempunyai **tiga (3) tahun pengalaman** dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan;
- iv. **Lulus temuduga** oleh JKKP.

#### 4.1.3. Kelayakan 3

- i. Warganegara Malaysia dan;
- ii. Mempunyai **sepuluh (10) tahun pengalaman** dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan;
- iii. **Lulus temuduga** oleh JKKP.

#### 4.2. Hilang Kelayakan

Seseorang tidak layak didaftarkan sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan jika pada masa permohonan pendaftaran beliau telah:-

- i. Disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta; atau
- ii. Disabitkan dengan mana-mana kesalahan dan dihukum lebih daripada satu tahun penjara atau denda lebih daripada dua ribu ringgit; atau

- iii. Telah diisytiharkan bankrap.

#### **4.3. Perakuan pendaftaran**

Perakuan pendaftaran sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan akan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah JKKP Malaysia kepada setiap pemohon yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan melalui Sistem MyKKP.

#### **4.4. Tempoh pendaftaran**

Pendaftaran sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan adalah sah bagi tempoh selama tiga (3) tahun, melainkan jika ia dibatalkan terlebih dahulu oleh Ketua Pengarah merujuk subperaturan 13 Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997.

#### **4.5. Pembatalan pendaftaran**

Ketua Pengarah JKKP boleh membatalkan pendaftaran jika didapati seseorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan itu pada bila-bila masa:

- i. telah berhenti menjadi Pegawai Keselamatan dan Kesihatan;
- ii. telah disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta;
- iii. tidak memenuhi apa-apa kehendak yang dinyatakan di bawah Peraturan-peraturan ini atau mana-mana perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen 29(4) Akta;atau

telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.

### **5.0 PERMOHONAN PENDAFTARAN**

Permohonan pendaftaran baru dan pembaharuan sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan hendaklah dikemukakan kepada bersama-sama dengan dokumen permohonan kepada:-

**Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia** menggunakan **Sistem MyKKP**.

### **5.1. Dokumen Permohonan**

Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan maklumat seperti berikut ;-

- i. Gambar terkini;
- ii. Borang pemeriksaan kesihatan;
- iii. Salinan kad pengenalan ;
- iv. Maklumat kelayakan akademik;
- v. Sijil Kelayakan;
- vi. Surat pengesahan majikan terkini dan terdahulu (sepanjang tempoh penglibatan);
- vii. Surat lantikan/kontrak kerja dari majikan terkini dan terdahulu (sepanjang tempoh penglibatan);
- viii. Senarai tugas lengkap dan diakui atau disahkan oleh majikan terkini dan terdahulu (sepanjang tempoh penglibatan);
- ix. Profil syarikat majikan;
- x. Bukti-bukti menjalankan tugas sebagai personal keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- xi. Salinan sijil-sijil lain yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan atau lain-lain dokumen yang diperlukan bagi permohonan; dan
- xii. Yuran pemprosesan.

#### **5.1.1. Gambar terkini**

Pemohon hendaklah mengemukakan gambar terkini berukuran pasport dengan berlatar belakang warna **biru** dan saiz wajah sekurang-kurangnya adalah 50% hingga 60% daripada luas ruang gambar tersebut. Saiz fail yang dicadangkan tidak melebihi 1Mbyte dan keadaan gambar adalah **jelas**.

#### **5.1.2. Borang Pemeriksaan Kesihatan**

Borang ini hendaklah diisi oleh Doktor Perubatan atau Doktor Kesihatan Pekerjaan yang bertauliah dan mendapat pengesahan kesihatan dari doktor

tersebut sekiranya pemohon **berumur lebih dari 55 tahun**. Borang ini boleh dimuat turun dari laman web sistem MyKKP.

**5.1.3. Kad Pengenalan**

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan depan dan salinan belakang kad pengenalan.

**5.1.4. Maklumat kelayakan akademik**

Maklumat kelayakan akademik pemohon mengikut tahap tertinggi dan nama institusi berserta tarikh mula dan tamat pengajian.

**5.1.5. Sijil Kelayakan**

Sijil kelayakan adalah mengikut tahap **Kelayakan Pendaftaran** pemohon;

- i. **Kelayakan 1** - Pemohon hendaklah mengemukakan salinan **sijil hadir kursus** Pegawai Keselamatan dan Kesihatan daripada pusat pengajar yang berdaftar dengan JKKP **dan** salinan **sijil lulus peperiksaan** Pegawai Keselamatan dan Kesihatan daripada NIOSH.
- ii. **Kelayakan 2** - Pemohon hendaklah mengemukakan salinan sijil Sarjana, Ijazah atau Diploma keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau yang setaraf dengannya dari mana-mana badan profesional atau institusi, yang diluluskan oleh Menteri, atas syor Ketua Pengarah.

Senarai terkini Pusat Pengajar Yang Kompeten bagi kursus Pegawai Keselamatan dan Kesihatan yang diiktiraf Jabatan boleh didapati di laman web rasmi Jabatan.

**5.1.6. Surat pengesahan majikan terkini dan terdahulu**

Pemohon hendaklah mengemukakan surat pengesahan majikan terkini dan majikan terdahulu yang mengandungi pengesahan jawatan dan pengalaman pemohon dengan menyatakan tempoh pengalaman atau tarikh mula terlibat dalam bidang keselamatan dan kesihatan sepanjang tempoh penglibatan;



**5.1.7. Surat lantikan kerja / kontrak kerja sebagai Personal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

Pemohon hendaklah mengemukakan surat lantikan kerja bagi majikan terkini dan terdahulu. Surat lantikan kerja adalah seperti kontrak kerja atau *appointment letter* termasuk surat tawaran kerja yang terdapat persetujuan/akujanji di antara pemohon dan majikan. Jika jawatan adalah berlainan pemohon perlu lampirkan surat lantikan jawatan utama dan surat lantikan sebagai personel KKP .

**5.1.8. Senarai tugas lengkap**

Senarai tugas lengkap atau *job description* terkini dan terdahulu yang disahkan oleh majikan hendaklah disertakan bersama permohonan.

**5.1.9. Profil majikan**

Pemohon hendaklah mengemukakan profil syarikat majikan yang mengandungi maklumat-maklumat seperti Jenis industri, Bilangan pekerja, Kelas industri mengikut Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

**5.1.10. Bukti-bukti menjalankan tugas**

Bukti menjalankan tugas adalah bertujuan untuk mengesahkan pemohon berpengalaman dalam bidang keselamatan dan kesihatan. Bagi permohonan baru sama ada tiga (3) atau sepuluh (10) tahun pengalaman, pemohon hendaklah mengemukakan sekurang-kurangnya **tiga (3) bukti kerja** untuk setiap tahun pengalaman yang berkaitan dengan bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang disediakan sendiri oleh pemohon atau penglibatan pemohon iaitu ;

- i. laporan audit pemeriksaan tempat kerja/jentera, dan
- ii. HIRARC/JSA, dan
- iii. minit mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, dan

- iv. laporan aktiviti promosi/perancangan KKP/statistik KKP yang dijalankan di tempat kerja, dan
  - v. laporan bulanan keselamatan dan kesihatan tempat kerja, atau
  - vi. laporan siasatan kemalangan, atau
  - vii. apa-apa laporan KKP yang berkaitan
- bagi sepanjang tempoh penglibatan sebagai personal keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

#### 5.1.11. Salinan sijil berkaitan

Salinan sijil-sijil lain yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan/ lain-lain dokumen yang diperlukan bagi permohonan.

#### 5.1.12. Yuran Pemprosesan

Pemohon dikehendaki membuat bayaran fee pemprosesan sebanyak satu ratus ringgit sahaja (RM100) bagi permohonan pendaftaran. Bayaran hendaklah dibuat semasa permohonan. Bayaran boleh dibuat melalui:-

- i. e-Payment – pembayaran secara atas talian;
- ii. wang tunai - hanya di JKKP Ibu pejabat

Bayaran fee pemprosesan **tidak akan dikembalikan** jika permohonan ditolak atau dibatalkan disebabkan kegagalan menghantar dokumen yang lengkap. Pemohon dikehendaki membuat semula bayaran fee pemprosesan bagi permohonan semula.

## 6.0 PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

Permohonan untuk pendaftaran pembaharuan hendaklah dikemukakan kepada JKKP melalui **Sistem MyKKP** sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** sebelum tamat tempoh.

### 6.1. Dokumen Permohonan

Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan maklumat seperti berikut ;-

- i. Gambar terkini;
- ii. Borang pemeriksaan kesihatan;

- iii. Salinan kad pengenalan;
- iv. Surat pengesahan/sokongan majikan terkini;
- v. Program Pendidikan Berterusan (CEP);
- vi. Profil syarikat majikan;
- vii. Nombor pendaftaran dengan JKKP Negeri;
- viii. Bukti-bukti menjalankan kewajipan sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan;  
dan
- ix. Yuran pemprosesan.

#### 6.1.1. Gambar terkini

Pemohon hendaklah mengemukakan gambar terkini berukuran pasport dengan berlatar belakang warna **biru** dan saiz wajah sekurang-kurangnya adalah 50% hingga 60% daripada luas ruang gambar tersebut. Saiz fail yang dicadangkan tidak melebihi 1Mbyte dan keadaan gambar adalah **jelas**.

#### 6.1.2. Borang Pemeriksaan Kesihatan

Borang ini hendaklah diisi oleh Doktor Perubatan atau Doktor Kesihatan Pekerjaan yang bertauliah dan mendapat pengesahan kesihatan dari doktor tersebut sekiranya pemohon berumur lebih dari 55 tahun. Borang ini boleh dimuat turun dari laman web sistem MyKKP.

#### 6.1.3. Kad Pengenalan

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan depan dan salinan belakang kad pengenalan.

#### 6.1.4. Surat pengesahan/sokongan majikan terkini

Pemohon hendaklah mengemukakan surat pengesahan/sokongan majikan terkini yang mengesahkan pemohon masih berkhidmat sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan bertarikh terkini.

#### 6.1.5. Program Pendidikan Berterusan (CEP)

Bagi permohonan pembaharuan, pemohon hendaklah mengemukakan maklumat program pendidikan berterusan sepanjang tempoh kelayakan dan

mengisi **Jadual Sistem Mata** merujuk **Garis Panduan Program Pendidikan Berterusan**. Perlu disertakan bersama adalah salinan sijil "Program Pendidikan Berterusan" yang dihadiri dalam tempoh kelayakan dan bukti-bukti yang berkaitan.

**6.1.6. Profil syarikat majikan**

Pemohon hendaklah mengemukakan profil syarikat majikan yang mengandungi maklumat-maklumat seperti Jenis industri, Bilangan pekerja, Kelas industri mengikut Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

**6.1.7. Nombor pendaftaran dengan JKKP Negeri**

Nombor pendaftaran kilang/tempat kerja/tapak bina dengan JKKP dan laporan pemeriksaan kilang/tapak bina/audit tempat kerja yang terkini (contoh JKJ 17 atau laporan audit dari JKKP Negeri).

**6.1.8. Bukti menjalankan kewajipan sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan**

Bukti-bukti menjalankan tugas atau tanggungjawab sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan adalah seperti mana mengikut peraturan 18 dan 19, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997. Bagi permohonan pembaharuan, pemohon hendaklah mengemukakan bukti kerja **tiga(3) bulan terkini** yang disediakan sendiri oleh pemohon dan disahkan oleh majikan iaitu;

- i. Laporan bulanan (Laporan bulanan dalam bentuk rumusan merujuk kepada subperaturan 19(2) Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997), dan
- ii. Minit mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, dan
- iii. Laporan audit tempat kerja, dan
- iv. laporan kemalangan/ statistik kemalangan/JKKP 8

Bagi pemohon yang memegang jawatan **Pengurus** Keselamatan dan Kesihatan atau setara dengannya atau lebih tinggi boleh mengemukakan bukti kerja seperti di atas atau perkara seperti berikut;

- i. Laporan Perancangan dan Pencapaian Keselamatan dan Kesihatan yang disediakan oleh pemohon dan disemak oleh majikan.
- ii. Laporan audit/Pemeriksaan tempat kerja yang disediakan oleh pemohon atau **Pegawai Keselamatan dan Kesihatan lain** yang disemak oleh pemohon.
- iii. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan yang disediakan oleh pemohon sebagai Setiausaha atau Minit Mesyuarat Semakan Semula Pengurusan (*Management Review Meeting*) yang mengandungi pembentangan prestasi keselamatan dan kesihatan pekerjaan oleh pemohon.
- iv. Apa-apa laporan statutori seperti Laporan Kemalangan, Laporan CHRA, laporan CIMAH dan lain-lain laporan yang disemak dan disahkan oleh pemohon.

#### 6.1.9. Yuran pemprosesan

Pemohon dikehendaki membuat bayaran fee pemprosesan sebanyak lima puluh ringgit sahaja (RM50) bagi permohonan pembaharuan. Bayaran hendaklah dibuat semasa permohonan. Bayaran boleh dibuat melalui:-

- i. e-Payment – pembayaran secara atas talian;
- ii. wang tunai - hanya di JKKP Ibu pejabat

Bayaran fee pemprosesan **tidak akan dikembalikan** jika permohonan ditolak atau dibatalkan disebabkan kegagalan menghantar dokumen yang lengkap. Pemohon dikehendaki membuat semula bayaran fee pemprosesan bagi permohonan semula.

DISEDIAKAN OLEH:

SEKSYEN PEPERIKSAAN, PERSIJILAN DAN PENGIKTIRAFAN,  
BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI

TARIKH  
PINDAAN :

17/06/2016

